Amalan berwakaf telah dipraktikkan oleh umat Islam seiring dengan perkembangan Islam itu sendiri. Amalan ini merupakan satu daripada wahana atau cara umat Islam berbakti, di samping menyumbang terhadap perkembangan dan pembangunan syiar Islam. Wakaf melibatkan pemindahan harta milik persendirian kepada Allah SWT untuk tujuan ibadah, sosial dan ekonomi termasuk pendidikan, kesihatan, kemudahan awam dan lain-lain lagi. Kefahaman yang jelas dan betul terhadap konsep wakaf ini amat penting bagi memastikan kesinambungan amalan ini dapat diteruskan sesuai dengan perkembangan semasa.

Institusi hospital dalam dunia Islam terus berkembang pesat. Pemerintah dan masyarakat Islam tanpa mengira kedudukan telah membelanjakan harta mereka untuk jalan kebaikan dan mendekati diri kepada Allah SWT. Hospital merupakan sebahagian daripada sumbangan kebajikan mereka terhadap masyarakat (Razali Othman, 2013). Hospital yang dibangunkan oleh al-Walid bin Abdul Malik, khalifah kerajaan Uthmaniyah merupakan hospital pertama yang dibangunkan di Damsyik. Hospital ini digunakan untuk para pesakit sama ada miskin atau kaya, Muslim atau bukan Muslim. Usaha pembinaan seperti ini semakin dipergiat pada zaman Abasiyah sehingga terdapat lima puluh buah hospital yang didirikan di Baghdad dan Cordova, Sepanyol (Ahmad Taha, 1992). Banyak hospital wakaf dibangunkan melalui institusi wakaf di bandar-bandar penting. Hospital al-Nasiri atau al-Salahi dibuka atas perintah Salahuddin al-Ayyubi di Kaherah, Mesir pada tahun 577 H (1171 M). Pembinaan hospital yang sempurna telah dibina ketika pemerintahan Khalifah Harun al-Rasyid di Baghdad, iaitu Hospital al-‘Adudi yang dibina oleh ‘Adud al-Dawla ibn Buwaih di bawah seliaan al-Razi. Beliau memilih kawasan yang terbaik untuk membina hospital dengan cara menggantung daging di setiap penjuru kota. Tempat di mana paling lambat daging tersebut itu rosak akan dibina hospital. (Husain F. Nagamia, 2003).

Penubuhan hospital terawal di Baghdad oleh Harun al-Rashid telah diteruskan dengan penubuhan hospital yang lain. Antaranya termasuklah hospital yang dibina oleh Ali b. Isa di Baghdad dan Hospital al-Muqtadiri yang dibina oleh Khalifah al-Muqtadir atas nasihat Sinan ibn Thabit. Al-Wazir b. Isa pernah mengarahkan hospital bergerak digunakan untuk merawat mereka yang berada di pedalaman dan tidak terdapat doktor. (Ahmad Taha, 1992). Perkembangan pembangunan hospital memberikan sumbangan yang besar kepada perubahan Islam. Semua golongan masyarakat diberikan rawatan tanpa melihat latar belakang pesakit. Hospital diuruskan oleh kerajaan dan pengarah hospital yang

terdiri daripada doktor. Pesakit lelaki dan perempuan diasingkan dan ditempatkan di wad yang berlainan. Pesakit yang mempunyai penyakit yang berbeza seperti demam, luka, jangkitan, mata dan sebagainya juga diletakkan di wad yang berlainan. Pesakit disediakan bekalan air dan kemudahan bilik mandi yang mencukupi. (Husain F. Nagamia, 2003). Hanya doktor yang bertauliah dan mempunyai lesen sahaja yang boleh memberikan rawatan kepada pesakit. Rawatan di hospital dibahagikan kepada jabatan pesakit luar dan pesakit dalam. Di Hospital Tulun, ketika pesakit dimasukkan ke hospital, mereka diberikan pakaian dan wang. Barang berharga milik mereka akan disimpan oleh pihak hospital sehingga pesakit dibenarkan pulang. Malah, pesakit juga diberikan lima keping emas untuk keperluan harian sehingga mereka benar-benar dapat bekerja semula.

Hospital Qairawan yang dibina pada 830 M di Tunisia mempunyai ciri pembahagian wad, bilik menunggu untuk pesakit, pelawat dan jururawat. Hospital itu juga menyediakan kemudahan untuk menjalankan ibadah solat. Hospital Al-'Adu di yang dibina pada 981 M di Baghdad dilengkapi dengan perabot dan peralatan yang terbaik pada waktu itu (Syed Ibrahim, 2002). Kompleks Suleymaniye (*kulliye*) yang dibina di Istanbul, Turki oleh arkitek yang bernama Mimar Sinan menempatkan sekolah perubatan yang dikenali sebagai *Sulleymaniye Medical Madrasa (Dar al-Tib)* telah dibina di dalam kompleks ini (Ayduz, 2009-2010). Ketika Paris dan London hanya mempunyai jalan lumpur, Baghdad, Kaherah dan Cordova telah mempunyai hospital yang hebat dan moden. Terdapat dua jenis hospital, iaitu hospital tetap dan hospital bergerak. Hospital bergerak ini menyediakan perkhidmatan yang hampir sama dengan hospital tetap, iaitu dilengkapi dengan ubat-ubatan, alatan perubatan, khemah, doktor dan jururawat. Bagi masyarakat yang tinggal di pedalaman, hospital bergerak ini memudahkan mereka untuk mendapatkan rawatan.

Terdapat banyak lagi hospital yang dibiayai oleh institusi wakaf ketika zaman kegemilangan Islam. Antara hospital terawal yang dibina menggunakan konsep wakaf ialah Hospital Badr Ghulam di Baghdad, Hospital Baghkami yang dibina oleh Amir Abdul Hassan Baghkan (Yukham), Hospital Ikshidid, Mesir dibina oleh Turkish Kafur al-Ikshid, hospital yang dibina oleh Muizzuddawala ibn Buwayh, Hospital Marakish di Afrika Utara, Hospital Nuri yang diasas oleh Raja Nur al-Din Zanji dan Hospital Mansuri di Mesir (Nowsherawi, 1983). Di Malaysia, terdapat sebuah hospital yang dibina berasaskan konsep wakaf, iaitu Hospital Waqaf An-Nur (HWAN). Penubuhan HWAN adalah bertujuan untuk memperbaiki sistem perkhidmatan kesihatan awam demi kebajikan dan manfaat rakyat. Hal ini sememangnya digalakkan memandangkan sistem perkhidmatan kesihatan awam memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan semua lapisan masyarakat. Matlamat atau objektif sebenar penubuhan HWAN ini adalah untuk memberikan rawatan kepada masyarakat umum, khususnya bagi golongan yang kurang berkemampuan dan golongan yang tiada tempat untuk mendapatkan rawatan perubatan asas yang wajar akibat halangan ekonomi atau sebab-sebab lain tanpa mengira bangsa dan agama dengan kos yang paling minima, iaitu RM5 (Muhammad Ali Hashim, 2001). Konsep wakaf yang menjadi teras kepada

HWAN ini memberi peluang semua pihak untuk menyumbang, menginfak dan mewakafkan harta, wang ringgit atau masa, tenaga, ilmu dan kepakaran mengikut keupayaan masing-masing. Sumbangan tersebut boleh disalurkan dalam bentuk premis, kelengkapan klinik serta peralatan, khidmat kedokteran dan juga wang ringgit.

MODEL OPERASI DAN PENGURUSAN HOSPITAL WAKAF AN-NUR (HWAN)

Secara amnya, Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) menawarkan perkhidmatan perundingan dan rawatan kesihatan kepada pesakit yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. Penubuhan hospital dan pusat dialisis bagi pesakit buah pinggang yang mempunyai masalah kewangan ini telah merealisasikan hasrat Perbadanan Johor (JCorp) untuk melaksanakan amalan wakaf. Perkataan “waqaf” itu sendiri telah menggambarkan hasrat untuk menyerahkan sebahagian daripada harta yang sebenarnya milik Allah SWT bagi manfaat masyarakat secara keseluruhan.

Sejarah Penubuhan HWAN

Penubuhan hospital wakaf ini merupakan idea daripada Johor Corporation (JCorp) setelah melihat negara mengalami kegawatan ekonomi pada tahun 1998 dan taraf kesihatan semakin buruk. Sejak itu, JCorp bersama-sama anak syarikat masing-masing telah menyumbangkan sejumlah wang untuk membiayai perkhidmatan kesihatan masyarakat yang berpendapatan rendah melalui tanggungjawab sosial korporat (CSR). Maka, dari situlah tertubuhnya Klinik Waqaf An-Nur (KWAN) yang pertama di Kotaraya, Johor dengan kepakaran pengurusan kesihatan bersama-sama Kumpulan Perubatan Johor (KPJ Healthcare Berhad). Sebelum penubuhan HWAN, Syarikat JCorp telah menubuhkan klinik wakaf di Pasir Gudang pada tahun 1999. Oleh sebab permintaan yang semakin meningkat daripada penduduk Pasir Gudang, maka klinik tersebut telah dinaikkan taraf kepada sebuah hospital pada tahun 2006 dan seterusnya menjadi hospital wakaf pertama di negara ini. Hospital tersebut telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Iskandar ibn al-Marhum Sultan Ismail pada 21 April 2006. HWAN merupakan sebuah hospital berkonsepkan kebajikan dan tidak bermotifkan keuntungan yang ditubuhkan oleh JCorp menerusi KPJ Healthcare Berhad dengan kerjasama Majlis Agama Islam Johor (MAIJ) (Hamidah Othman, 2013).

MAIJ telah menyediakan tapak bagi pembinaan bangunan hospital tersebut yang bersebelahan dengan Masjid Pasir Gudang. Rasionalnya adalah untuk mendekatkan masyarakat dengan aktiviti masjid. Hospital ini diuruskan oleh KPJ Healthcare Berhad serta Waqaf An-Nur Corporation (Johar Jonit, 2013). Waqaf An-Nur Corporation Berhad (WANCorp) merupakan salah sebuah syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer yang ditubuhkan untuk menguruskan aset dan saham syarikat dalam Kumpulan Johor Corporation yang diwakafkan. Selain itu, syarikat ini juga berperanan sebagai *mawquf ‘alaih* saham dan lain-lain bentuk sekuriti syarikat perniagaan secara keseluruhannya. WANCorp mula beroperasi pada 25 Oktober 2000 dengan nama Pengurusan Klinik Waqaf An-Nur

Berhad yang pada awalnya ditubuhkan untuk menguruskan klinik wakaf dan pusat dialisis di bawah JCorp yang diuruskan oleh KPJ Healthcare Berhad. Syarikat ini kemudiannya ditukarkan namanya kepada Kumpulan Waqaf An-Nur Berhad pada 19 Julai 2005 dengan peranan dan aspirasi yang lebih luas lagi.

WANCorp telah mengagihkan dana kebajikan Am WANCorp. Ia merupakan dana yang dimanfaatkan untuk diagihkan kepada yang memerlukan. Ini merupakan satu daripada tanggungjawab korporat JCorp melalui WANCorp untuk mengagihkan dividen sebagai manfaat kebajikan daripada saham yang diwakafkan. Sehingga 31 Disember 2016, WANCorp telah mengagihkan sejumlah RM2,507,675 kepada golongan yang memerlukan. Terdapat tiga kategori pengagihan dana kebajikan am iaitu kategori kebajikan dan amal, kategori pembangunan insan dan modal insan, pendidikan dan keusahawanan dan juga projek khas. Aspek penjagaan kesihatan termasuk dalam kategori yang pertama iaitu kebajikan dan amal. Jumlah agihan bagi bahagian Kesihatan adalah sebanyak 27% dengan jumlah RM250,000. Ia diperuntukkan khas untuk Dana HWAN dan Klinik Waqaf An-Nur serta Tabung Tjajah Ramadan (Laporan Tahunan WANCORP, 2016). Penubuhan rangkaian KWAN dan HWAN Pasir Gudang berjaya dalam merealisasikan matlamat JCorp bagi membantu lebih ramai masyarakat terutamanya golongan yang kurang berkemampuan menikmati kemudahan rawatan kesihatan menerusi konsep wakaf. WANCorp telah berperanan dengan menyalurkan dana bagi pembinaan dan pembangunan hospital dan KWAN (WANCorp, 2012).

Objektif, Misi dan Visi Penubuhan HWAN

Objektif HWAN adalah untuk memberi dan menyediakan kemudahan perubatan kepada masyarakat khususnya golongan yang berpendapatan rendah tanpa mengira bangsa dan agama. Idea untuk menubuhkan HWAN lahir daripada usaha untuk memperkembangkan projek kesihatan dan rawatan oleh JCorp. Misi hospital wakaf ini adalah untuk memberikan khidmat rawatan perubatan kepada semua pesakit tanpa mengira bangsa dan agama dengan kadar yang minimum terutama kepada golongan yang kurang berkemampuan. Visi hospital ini pula adalah untuk memastikan masyarakat terutamanya golongan yang berpendapatan rendah di sekitar Pasir Gudang dapat menikmati perkhidmatan perubatan yang sempurna setaraf dengan klinik kerajaan atau swasta yang lain. Walaupun matlamat hospital wakaf ini adalah untuk memberikan perkhidmatan kesihatan dan perubatan kepada golongan berpendapatan rendah, namun hospital ini juga turut menerima para pesakit yang berkemampuan dan golongan profesional. Malah, perkhidmatan dan rawatan juga dibuka kepada golongan bukan Islam dan warga asing. Hal ini secara tidak langsung dapat membuka minda dan mengubah persepsi orang ramai tentang konsep kebajikan melalui wakaf yang dianjurkan oleh Islam.

Struktur Organisasi HWAN

Johor Corporation Berhad membangun bersama-sama KPJ Healthcare melalui Waqaf An-Nur Corporation Berhad dengan kerjasama Majlis Agama Islam

Negeri telah menubuhkan HWAN, iaitu pusat kesihatan yang berteraskan kebajikan dengan mengadaptasikan konsep wakaf. Secara amnya, HWAN menawarkan perkhidmatan perundingan dan rawatan kesihatan kepada pesakit yang memerlukan tanpa mengira bangsa dan agama. HWAN diuruskan oleh pegawai perubatan dan jururawat dari KPJ Healthcare Berhad yang diketuai oleh Pengurus Operasi. Pengurus Operasi HWAN bertanggungjawab dalam hal ehwal pembelian peralatan dan ubat-ubatan dan menguruskan kakitangan di hospital wakaf ini dan juga seluruh rangkaian KWAN di seluruh negeri Johor.

Kesemua tenaga kerja di hospital wakaf ini adalah daripada KPJ Healthcare yang merupakan cabang penjagaan kesihatan di bawah JCorp. Hospital wakaf ini mempunyai empat orang doktor yang berkhidmat di Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, Jabatan Pesakit Luar dan Klinik Bergerak. Mereka bergilir-gilir menjalankan tugas pada waktu siang dan malam kerana hospital ini beroperasi selama 24 jam. Seorang doktor pakar dari Hospital Pakar Puteri akan datang membuat pemantauan terhadap perkhidmatan yang dijalankan di hospital dan pusat dialisis secara berkala. Pengurus Operasi dibantu oleh tenaga kerja yang terdiri daripada ketua jururawat, jururawat dan pembantu jururawat. Selain itu, terdapat juga tenaga kerja sokongan yang berkhidmat di bahagian makmal, bahagian x-ray, bahagian farmasi, bahagian pendaftaran, bahagian dispensari, bahagian pembayaran dan dibantu oleh bahagian pentadbiran. Pemandu ambulan pula bertugas membawa pesakit ke hospital rujukan jika kecederaan yang dihadapi pesakit bersifat kritikal serta tidak terdapat kemudahan dan kepakaran di hospital wakaf ini untuk merawat pesakit.

Perkhidmatan yang Diberikan

Perkhidmatan kesihatan dan perubatan yang disediakan di hospital ini ialah Jabatan Pesakit Luar, Jabatan Kemalangan dan Kecemasan, dan wad pesakit. Di tingkat bawah hospital, selain daripada klinik, terdapat bilik x-ray, bahagian pendaftaran, farmasi dan Unit Hemodialisis yang beroperasi selama 24 jam. Rawatan di Jabatan Pesakit Luar beroperasi bermula pada pukul 8.30 pagi hingga pukul 5.00 petang. Selepas pukul 5.00 petang, perkhidmatan di hospital wakaf ini akan beroperasi di bilik Jabatan Kemalangan dan Kecemasan. Jabatan Kemalangan dan Kecemasan memberikan rawatan kecemasan mengikut keutamaan berdasarkan hasil penilaian yang dilakukan oleh pegawai perubatan. Perkhidmatan kecemasan dan kemalangan bertujuan khas memberikan perkhidmatan yang bermutu tinggi, cekap dan berkesan untuk menyelamatkan nyawa. Para petugas perlu bertindak cepat, cekap dan tepat untuk mengendalikan kes kecemasan

Klinik Bergerak

Pihak pengurusan HWAN mengambil inisiatif dengan mengadakan klinik bergerak yang bertujuan untuk membantu masyarakat kurang berkemampuan yang berada di kawasan pedalaman untuk menerima rawatan. Klinik Bergerak Waqaf An-Nur diuruskan sepenuhnya oleh pihak pengurusan HWAN dengan kerjasama KPJ Healthcare Berhad. Waktu Klinik Bergerak beroperasi bermula

pada pukul 2.30 petang hingga pukul 4.00 petang dan tertakluk pada pindaan dan situasi semasa. Kawasan yang dikunjungi oleh Klinik Bergerak merupakan kawasan pedalaman dan penduduk di kawasan tersebut yang agak sukar untuk mendapatkan khidmat rawatan kesihatan, tambahan pula bayaran perkhidmatan penjagaan kesihatan yang semakin meningkat.

Klinik Bergerak Waqaf An-Nur sering terlibat dalam aktiviti atau program di bawah kendalian Majlis Perbandaran Pasir Gudang mahupun organisasi kesihatan. Antara program yang disertai termasuklah Kempen Derma Darah, Pameran Kesihatan dan lain-lain. Seramai tiga orang pekerja sahaja yang bertugas di Klinik Bergerak pada satu-satu masa. Anggota perkerja yang terlibat ialah Pegawai Perubatan, Pembantu Perawatan atau Jururawat dan Pemandu Caravan van (Pendaftaran). Kadar caj untuk pemeriksaan adalah sebanyak RM5.00 (tidak termasuk caj prosedur). Kes yang diterima rawat pula adalah adalah seperti demam, kecederaan ringan dan pemeriksaan berkala kencing manis atau darah tinggi. Kes yang tidak diterima rawat ialah penyakit serius seperti jantung, buah pinggang, kecederaan parah seperti kecederaan kepala, kes ibu mengandung dan bersalin dan kes yang memerlukan *gas anaesthetis*. Bangsa Melayu merupakan pesakit yang paling ramai berbanding bangsa lain kerana kebanyakan Klinik Bergerak beroperasi di kampung yang majoriti penduduknya adalah berbangsa Melayu.

Kadar Caj Rawatan

Sebagaimana hospital dan klinik awam dan swasta yang lain, HWAN mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan rawatan penjagaan kesihatan dan perubatan yang diberikan kepada setiap pesakit. Namun begitu, bayaran yang dikenakan rendah berbanding hospital atau pusat perubatan awam dan swasta yang sedia ada, iaitu serendah RM5. Hal ini selaras dengan objektif penubuhan HWAN yang ingin membantu masyarakat berpendapatan rendah dan kurang berkemampuan mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan dan perubatan. Kos rawatan pesakit luar ialah RM5.00 bagi rakyat Malaysia dan RM15.00 bagi warga asing. Bayaran tambahan hanya dikenakan apabila pesakit memerlukan ujian saringan dan prosedur yang lain seperti ujian darah (*blood test*), suntikan atau antibiotik. Bagi perkhidmatan di bahagian kemalangan dan kecemasan, kos yang dikenakan berdasarkan prosedur rawatan yang diberikan di samping mengekalkan caj tetap sebanyak RM5.00.

Bagi kes rujukan ke Hospital Sultanah Aminah (HSAJB) atau Hospital Sultan Ismail (HSIJ), perkhidmatan ambulan disediakan dengan menggunakan ambulan HWAN dengan kadar caj sebanyak RM45.00 di kawasan sekitar Pasir Gudang. Bagi pesakit yang memerlukan rawatan yang berterusan di wad, kos perubatan ialah sebanyak sepuluh ringgit bagi pesakit yang berpendapatan RM1500 ke bawah dan RM50 bagi pesakit yang berpendapatan RM1500 ke atas. Kos tersebut meliputi rawatan perubatan beserta makan dan minum sepanjang berada di wad tersebut. Pesakit Klinik Bergerak dikenakan caj sebanyak RM5.00 sama seperti rawatan bagi pesakit luar. Pesakit yang memerlukan rawatan dialisis pula dikenakan bayaran sebanyak RM90.00 untuk sekali rawatan selama 13 kali

sebulan. Perbelanjaan tinggi yang terpaksa ditanggung oleh pesakit akan dibantu oleh HWAN dengan mencari penaja kepada pesakit dialisis tersebut seperti pihak Baitulmal, Badan Bukan Kerajaan (NGO), syarikat korporat atau individu yang prihatin.

Sumber Pembiayaan Operasi HWAN

Pewakafan saham merupakan perubahan baharu bentuk pengaplikasian wakaf sejajar dengan peredaran zaman. Tuntutan terhadap keperluan semasa telah membawa pada penjenamaan wakaf, iaitu daripada wakaf tradisional diinovasikan kepada wakaf saham. JCorp merupakan perintis kepada konsep ini apabila bertindak melepaskan harta yang dimiliki, iaitu saham. Saham wakaf merupakan pelengkap kepada hasrat JCorp sebagai pewakaf yang membawa ke arah merealisasikan wawasan sebagai Institut Korporat Amanah. Kecemerlangan wakaf korporat secara tidak langsung membuktikan kecemerlangan WANCorp sebagai sebuah institusi wakaf yang produktif.

Permulaan penglibatan JCorp dalam urusan wakaf bermula pada 17 Januari 1992 menerusi pewakafan tapak Masjid An-Nur Plaza Kotaraya Johor Bahru dengan kos pembinaan sebanyak RM500,000. Masjid ini merupakan masjid pertama di Malaysia yang dibina dalam sebuah pusat membeli belah. Melihat kemajuan tersebut, JCorp meneruskan lagi usaha dengan pewakafan lot ruang niaga dengan mendirikan KWAN Kotaraya di Lot 85 sehingga 87 bersebelahan masjid tersebut. Operasi penyediaan perkhidmatan kesihatan ini bermula pada 1 November 1998. Para pesakit tidak mengira pegangan agama mahupun bangsa berpeluang mendapatkan khidmat nasihat dan rawatan kesihatan daripada doktor beserta ubat-ubatan dengan bayaran RM5 seorang. Selain itu, caj perkhidmatan dialisis sekadar RM90 sekali rawatan turut disediakan bagi pesakit buah pinggang. Baki daripada kos sebenar di bawah tanggungan seperti Dana Waqaf An-Nur, Baitulmal dan NGO.

Keputusan JCorp mewakafkan sebahagian saham anak syarikat merupakan keputusan yang produktif demi kelangsungan pemilikan harta milik Muslim pada masa hadapan. Hal ini mendapat sokongan daripada pihak penyelidikan Islam di Universiti al-Azhar, Mesir yang mengeluarkan fatwa keharusan berwakaf dengan saham sebagai harta wakaf menerusi surat permintaan fatwa pada 9 November 2005 oleh Dato' Haji Noh Gadut selaku mufti kerajaan negeri Johor. Keputusan Persidangan Penyelidikan Islam pada 24 November 2005 merujuk pandangan sesetengah mazhab seperti mazhab Maliki dan seterusnya pandangan ulama kontemporari dalam syariah Islam. Mereka berpendapat bahawa harus untuk mewakafkan bahagian tertentu dan saham syarikat daripada harta *mustaghillah* yang diharuskan syarak. Hal tersebut tertakluk pada syarat bahawa segala urusan saham dan keuntungan adalah bertepatan dengan syarat, iaitu mesti diselaras dengan kaedah yang telah dipersetujui oleh ulama ke atasnya (Nurul Asyikin Mahmood, 2013).

Wakaf korporat ini bukan sekadar memperuntukkan sumbangan manfaat kepada program atau golongan sasaran seperti lazimnya kerana WANCorp turut merangka strategi bagi mengoptimumkan penggunaan harta wakaf dan seterusnya

memaksimumkan nilai manfaat bagi jangka masa panjang. Tindakan tersebut dikenali sebagai proses produktiviti wakaf korporat yang merujuk penjanaaan kembali manfaat wakaf. Menerusi proses ini, manfaat harta wakaf tidak hanya tertumpu pada satu peringkat sahaja kerana penggunaan manfaat daripada peringkat pertama diharap dapat membantu penerima khususnya dan ekonomi negara amnya bertambah baik pada peringkat kedua. Selain wakaf korporat, ia juga didasarkan kepada *waqf al-nuqud* atau *waqf al-dinar* dan *waqf al-dirham*. Secara umumnya, perwakafan wang dibolehkan dalam Islam dengan syarat tertentu. Menurut Ibn Abidin, mewakafkan wang atau duit adalah sah meskipun fizikalnya tidak boleh dikekalkan dalam bentuk asal, tetapi pengekalannya ini masih boleh direalisasikan dengan menukarkannya kepada bentuk lain (atau harta lain yang berbentuk kekal). Pada masa yang sama, beliau berpandangan bahawa kesahannya hanya terhenti pada '*uruf*' atau adat masyarakat setempat. Di Malaysia, wang tunai telah diterima pakai sebagai medium pertukaran kewangan sejak dahulu lagi. Oleh itu, wang tersebut sesuai untuk diwakafkan dan merupakan harta yang bernilai (Siti Mashitoh Mahamood, 2007).

Kaedah pembiayaan operasi dibuat melalui manfaat dividen saham yang diwakafkan oleh anak-anak syarikat JCorp. Sebanyak 25 peratus daripada dividen yang diterima oleh WANCorp sebagaimana dalam Hujah Waqaf diperuntukkan bagi tujuan *fisabilillah* termasuk pembiayaan untuk program kesihatan. Selain itu, KPJ Healthcare akan membiayai aspek pembayaran gaji tenaga kerja, ubat-ubatan dan peralatan yang diperlukan oleh hospital wakaf ini. Pembayaran gaji tenaga kerja merupakan bahagian yang paling besar dalam menguruskan sesebuah hospital berbanding kos yang lain. KPJ Healthcare telah memperuntukkan kira-kira sebanyak RM2.5 juta setahun bagi menampung kos tersebut. Selain dana daripada dividen saham syarikat yang diwakafkan, hospital juga memperoleh dana wakaf daripada pelbagai pihak sama ada individu dan syarikat korporat. Tabung dana wakaf disediakan di kawasan tumpuan orang ramai seperti di kompleks membeli belah, pasar raya, lobi hospital dan sebagainya. Selain itu, terdapat juga individu yang mewakafkan peralatan atau barangan seperti kerusi roda, komputer dan sebagainya untuk kegunaan hospital. Sumbangan mereka kepada hospital wakaf ini akan diberikan pelepasan cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). (Hamidah Othman, 2013).

KESIMPULAN

Kesimpulannya, wakaf masih signifikan dalam memberikan sumbangan yang besar kepada umat Islam. HWAN telah mengadaptasikan sistem wakaf dalam membantu golongan berpendapatan rendah untuk mendapatkan rawatan dan penjagaan kesihatan. Kertas kerja ini juga telah melihat hubungan wakaf dan wakaf kesihatan dengan melihat kepada model operasi dan pengurusan di Hospital Waqaf An-Nur (HWAN) sebagai suatu organisasi berkonsepkan wakaf pada zaman ini yang berperanan memberikan kemudahan kesihatan dan terhadap masyarakat miskin dan mereka yang tidak berkemampuan dalam mendapatkan rawatan penjagaan kesihatan. Melalui pewakafan kontemporari, bukan sahaja modal atau aset yang diwakafkan itu dapat dipertahankan, malah

akan memberikan keuntungan yang berlipat ganda dan melahirkan lebih banyak harta wakaf baharu dalam bentuk harta kekal. Konsep wakaf yang menjadi teras kepada HWAN ini memberi peluang semua pihak untuk menyumbang, menginfak dan mewakafkan harta, wang ringgit atau masa, tenaga, ilmu dan kepakaran mengikut keupayaan masing-masing. Sumbangan tersebut disalurkan dalam bentuk premis, kelengkapan klinik serta peralatan, khidmat kedoktoran dan juga wang ringgit. Institusi wakaf harus diintegrasikan sebagai nadi utama sistem masyarakat dan ekonomi sesebuah negara dalam mengatasi cabaran semasa yang dihadapi oleh umat Islam untuk membentuk masyarakat yang harmoni seterusnya membentuk kesejahteraan ummah.

RUJUKAN

- Ahmad Taha. (1992). *Kedoktoran Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayduz, S. (2009-2010). Suleymaniye Medical Madrasa (Dar al-Tib) and Its Important in the History of Ottoman Medicine. *Journal of International Society for the History of Islamic Medicine* , 8-9.
- Chee Heng Leng. (2007). *Health Care in Malaysia: The Dynamics of Provision Financing and Access*. Kuala Lumpur: Routledge Malaysian Studies Series.
- Husain F. Nagamia. (2003). Islamic Medicine History and Current Practise. *Journal of the International Society for the History of Islamic Medicine* , 23.
- Ibekwe Perpetus Chudi. (2010). Healthcare Problems in Developing Countries. *Medical Practice and Reviews* , 9-11.
- Johar Jonit. (2013, Julai 3). Eksekutif Kanan, Waqaf An-Nur Corporation Berhad.
- K.Kananatu. (2002). Healthcare Financing in Malaysia. *Asia-Pasific Journal of Public Health* , 23.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011). *Pelan Strategik 2011-2015*. Kementerian Kesihatan Malaysia: Putrajaya.
- Khalib Abdul Latip. (2002). Performans Sistem Kesihatan: Satu Dimensi Baharu dalam Mengukur Status Kesihatan Negara. *Jurnal Kesihatan Malaysia* , 49.
- KKM, B. P. (2016). *Pelan Strategik KKM 2016-2020*. Putrajaya: KKM.
- Muhammad Ali Hashim. (2001). Institusi Wakaf: Relevannya di dalam Pembangunan Sektor NGO dan Korporat. *Seminar Waqaf: Penjana Ekonomi ke Arah Pembangunan Ummah*. Johor Baharu.
- Nowsherawi, A. (1983). Muslim Hospital in the Medivel Period. *Islamic Studies* , 56-57.
- Nurul Asyikin Mahmood. (2013). Potensi Wakaf Korporat kepada Pemilikan Ekuiti Muslim: Kajian di Wakaf An-Nur Corporation. *Seminar PERKEM VII*.
- Puan Hamidah Othman. (2013, Julai 2). Pengurus Operasi HWAN.
- Razali Othman. (2013). *Institusi Wakaf: Sejarah dan Amalan Masa Kini*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Salim Ayduz. (2009-2010). Suleymaniye Medical Madrasa (Dar al-Tib) and Its Importance in the Hospital of the Ottoman Medicine. *Journal of International Society for the History of Islamic Medicine* , 31.
- Seccombe, K. (2000). Families in Poverty in the 1900s: Trends, Causes, Consequences and Lesson Learned. *Journal of Marriage and Family* , 1094-1113.
- Siti Mashitoh Mahamood. (2007). Konsep Wakaf Sebagai Instrumen Pembangunan Hartanah di Wilayah Pembangunan Iskandar (WPI). *Jurnal Pengurusan JAWHAR* , 1-31.
- Sushil Kumar. (2010). Does Human Capital Cause Economic Growth?. A Case Study in India. *International Journal of Economic Science and Applied Research* , 7-25.
- Syed Ibrahim. (2002). Islamic Medicine: 1000 Years and Ahead of Its Time. *Journal of International Society for the History of Islamic Medicine* , 4-5.
- Syed Mohamed Aljunid. (2013). *Ekonomi Kesihatan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syed Mohamed al-Junid. (1997). Pembiayaan Perkhidmatan Kesihatan: Cabaran di Alaf Baru. *Buletin Kesihatan Masyarakat* , 1-25.
- WANCorp, L. T. (2012). Didapatkan dari <http://j.corp.com.my/WANCorp-AnnualReport2012Ver1.pdf>

2nd International Islamic
Heritage Conference 2017